



Faizal janji latih selepas Tahun Baharu Cina

BERITA HARIAN (M/S. 28) 19 FEB 2015

Kuala Lumpur: Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN), Datuk Ahmad Shapawi Ismail akan bertemu pasangan adik beradik, Faizal (atas) dan Fitri Saari serta Konfederasi Hoki Malaysia (MHC), minggu depan.

Shapawi ketika dihubungi semalam berkata, dia ada menerima maklum balas daripada Faizal yang juga penyerang skuad negara yang berjanji akan mula turun menjalani latihan selepas sambutan Tahun Baharu Cina ini.

Daripada kesempatan itu, Shapawi akan turun bertemu dengan ketiga-tiga pihak bagi merungkai permasalahan yang berlaku sehingga Faizal tidak turun menjalani latihan bersama skuad kebangsaan sebelum ini.

"Saya akan mengadakan pertemuan dengan Faizal dan juga Fitri bersama-sama dengan MHC untuk memahami dan mendengar sebab-sebab ataupun isu yang menyebabkan mereka lewat menjalani latihan.

"Bagaimanapun, Faizal ada memberi bayangan awal menghadiri latihan pada minggu depan selepas Tahun Baharu Cina dan saya akan mengambil kesempatan itu untuk berjumpa mereka dengan MHC sekali," katanya semalam.

Bukan kali pertama

Kelmarin, Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar meminta Shapawi menemui Faizal bagi mencari penyelesaian terhadap kemelut yang melanda pemain berkenaan yang buat kali kedua menghilangkan diri dengan tidak turun menjalani latihan.

Khairy berkata, dia dimaklumkan pemain itu tidak puas hati dengan MHC namun tidak mengetahui permasalahan sebenar.

Isu tidak hadir latihan bukanlah pertama kali melanda pemain dari Terengganu itu dan pernah mencetuskan kontroversi sama ketika menolak panggilan skuad kebangsaan beraksi di Sukan Komanwel 2014 di Glasgow.

Namun, Faizal dapat membuktikan dirinya masih berbisa apabila membantu pasukan negara muncul juara di Pusingan 2 Liga Dunia di Singapura bulan lalu.

Haram masuk stadium

BERITA HARIAN (M/S... 41) 19 FEBRUARI 2015

► Dari muka 44

Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar yang melontarkan cadangan itu berkata, penyokong yang masih berdegil membawa barang larangan itu hendaklah dilarang sama sekali memasuki stadium untuk menyaksikan perlawanan.

Persatuan bola sepak negeri yang terbabit pula perlu dikenakan denda yang tinggi bagi menye-

darkan penyokong mereka mengenai peraturan berkenaan.

Apapun, komuniti penyokong bola sepak Malaysia itu tetap meminta penyokong di negara ini akur dengan peraturan yang ditetapkan FAM meskipun pada dasarnya mereka tetap mengharapkan supaya pembakaran suar dalam saingan Liga Malaysia (Liga-M) dibenarkan oleh badan induk itu.

“Pegawai FAM sebelum ini ada buat kenya-

taan terbuka mengatakan suar boleh menyebabkan kebakaran dalam stadium. Walaupun kejadian itu tidak pernah berlaku, kita sebagai penyokong kena akur dengan undang-undang yang ditetapkan badan induk itu.

“Kepada UM07 (Ultras Malaya) dan penyokong lain, hati-hati selepas ini. ‘Mereka’ semakin keras tetapi ada masanya ‘mereka’ akan menagih kudrat dan laungan kamu,” katanya.

Persatuan, kelab sudah didenda

» Isu penyokong bakar suar di stadium

BERITA HARIAN (M/S. 41)

19 FEBRUARI 2015

Oleh Wan Fakhru Bakar
wanfakhru@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) sudah melakukan tindakan sewajarnya bagi menangani masalah penyokong yang melakukan kekacauan di stadium termasuk membawa barang larangan dan membakar suar.

Setiausaha Agung FAM, Datuk Hamidin Mohd Amin (**gambar**), berkata denda terhadap persatuan negeri dan kelab yang penyokongnya didapati melanggar peraturan mengikut Kod Tatatertib FAM akan bertambah jika kes itu berulang sehingga sampai ke satu tahap boleh dikenakan hukuman beraksi di stadium kosong.

Hormati pandangan menteri

"Kita hormati pandangan Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar. Memang masalah pembakaran suar ini sudah kami maklum sejak dua tiga tahun kebelakangan ini.

"Jawatankuasa Tatatertib FAM yang dianggotai badan bebas sudah mengenakan denda terhadap persatuan negeri atau kelab terbabit. Semua hukuman adalah mengikut prosedur dan piawaian ditetapkan.

"FAM bukan sengaja



mahu mendenda atau memberi tekanan kepada persatuan negeri atau kelab, tetapi apabila kesalahan ini terus berlaku, kita terpaksa bertindak kerana perlu melakukan pencegahan," katanya semalam.

Beliau mengulas laporan BH Sukan semalam mengenai gesaan Khairy supaya FAM melakukan perubahan drastik bagi menangani masalah penyokong yang sering melakukan kekacauan terutama membabitkan pembakaran suar di stadium dengan mengenakan tindakan lebih tegas.

Penyokong yang masih berdegil membawa barangan larangan itu hendaklah dilarang sama sekali memasuki stadium manakala persatuan didenda lebih tinggi.

Hamidin berkata, peraturan larangan membawa atau membakar suar di stadium akan terus di-

kuatkuasa dan badan induk itu tidak sesekali berhasrat untuk 'menghalalkan' penggunaannya untuk perlawanan bola sepak di negara ini.

"FAM memandang serius perkara ini dan berharap penyokong tidak terus melakukan perbuatan ini kerana yang menjadi mangsa dikenakan denda adalah persatuan negeri atau kelab mereka.

Stadium kosong

"Kita sudah buat pelbagai usaha dan akan melihat mekanisme lain untuk menangani masalah ini. Jika terus berlaku dan tiada pilihan lain, kita terpaksa menghukum pasukan terbabit beraksi di stadium kosong.

"Apapun FAM tidak mahu tindakan diambil sehingga ke tahap itu dan berharap semua pihak termasuk persatuan negeri, kelab, penyokong dan polis bekerjasama untuk memastikan masalah ini tidak terus berlaku," katanya.

Ditanya mengenai bila surat pertuduhan dihantar ke Persatuan Bola Sepak Negeri Pahang (PB-NP) berikutan tindakan penyokong Pahang membakar suar, Sabtu lalu, Hamidin berkata: "Jabatan Undang-Undang FAM akan mengeluarkan surat pertuduhan, bukan Sekretariat FAM. Kalau diikutkan, memang ada kes."

Misteri kehilangan Faizal, Fitri bakal terjawab



FAIZAL

Kuala Lumpur: Punca kehilangan dua tonggak skuad hoki negara Faizal Saari dan Mohd Fitri Saari bakal terjawab minggu depan apabila pemain itu dijadual bertemu Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN) Datuk Ahmad Shapawi Ismail.

Shapawi diarah Menteri Belia dan Sukan Khairy Jamaluddin Abu Bakar menyelesaikan masalah 'kehilangan' adik-beradik itu apabila mereka dilaporkan tidak hadir menjalani latihan selepas berakhirnya kem-

pen Pusingan Kedua Liga Hoki Dunia di Singapura bulan lalu.

Shapawi yang dihubungi berkata, beliau dimaklumkan Faizal akan kembali menjalani latihan minggu depan selepas tamatnya perayaan Tahun Baru Cina justeru peluang itu akan diambil untuk berjumpa Faizal bersama adiknya Fitri.

"Sebagaimana arahan menteri, saya akan mengadakan pertemuan dengan Faizal dan Fitri bersama-sama dengan MHC (Konfederasi Hoki Malay-

sia) untuk memahami dan mendengar kalau ada sebab lain dalam permasalahan itu mereka lewat menjalani latihan.

"Faizal dikatakan akan hadir menjalani semula latihan dan saya akan gunakan kesempatan itu untuk bertemu dengannya serta menyelesaikan segala permasalahan," katanya.

Kelmarin, kehilangan pasangan adik-beradik dari Terengganu itu mendapat perhatian khairy yang menggunakan perloketan perlawanan dalam me-

nyelesaikan kemelut membabitkan pemain itu bersama MHC.

Pasangan adik-beradik itu dilaporkan hilang dan gagal menjalani latihan bersama skuad kebangsaan dengan Naib Presiden Kanan Konfederasi Hoki Malaysia (MHC) Datuk Nur Azmi Ahmad menjelaskan bahawa pasangan itu mempunyai alasan tersendiri.

Bagaimanapun dilaporkan rasa tidak puas hati terhadap MHC dikatakan punca kehilangan Faizal dan Fitri daripada kem latihan.



FITRI

HARIAN METRO (M/S.11)
19/2/2015

Ahmad Shapawi lega dua pemain terbabit berjanji untuk kembali ke pangkuan skuad negara



AHMAD SHAPAWI



FITRI dan abangnya, Faizal (gambar kanan) akan mengadakan perjumpaan dengan Ahmad Shapawi minggu hadapan bagi menyelesaikan misteri kehilangan mereka daripada skuad hoki negara.

Kehilangan Faizal, Fitri bakal terjawab

KOSMO (MSN) 19 FEB 2015

MISTERI kehilangan dua tonggak skuad hoki negara, Faizal Saari, 24, dan Mohd. Fitri Saari, 22, bakal terjawab minggu hadapan. Itu jaminan Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN), Datuk Ahmad Shapawi Ismail semalam.

Menurut Ahmad Shapawi, beliau sudah menghubungi dua pemain terbabit dan mereka berjanji akan kembali menyertai latihan skuad negara pada Rabu depan.

"Saya juga akan menemui Faizal dan Fitri minggu hadapan bagi mengetahui



KERATAN Kosmo! semalam.

punca mereka bertindak sedemikian. Perjumpaan itu nanti mungkin dapat merungkai masalah yang mereka hadapi," tegas Ahmad Shapawi semalam.

Menurut Ahmad Shapawi, beliau telah menghubungi Faizal dan Fitri semalam dan mereka bersedia menyetipkan masalah peribadi untuk kembali menyertai latihan skuad negara.

"Faizal dan Mohd. Fitri berada di kampung (Pasir Mas, Kelantan) ketika ini dan telah berjanji untuk mengadakan

pertemuan dengan saya selepas cuti Tahun Baru Cina," tambah Ahmad Shapawi lagi.

Ahmad Shapawi menegaskan, buat masa ini pihaknya tidak memikirkan tindakan yang bakal dikenakan ke atas Faizal dan Mohd. Fitri, sebaliknya mahu menjalankan siasatan terlebih dahulu.

Sebagai rekod, dua pemain terbabit tidak menyertai latihan skuad negara selepas membantu *The Speedy Tigers* melayakkan diri ke Separuh Akhir Liga Hoki Dunia di Belgium, Jun depan selepas menjuarai aksi pusingan kedua di Singapura bulan lalu.

BERITA DI MUKA 61

HOCKEY

NEW STRAITS TIMES (M/S 301)

19 FEB 2015

Shapawi to meet Saari brothers

NATIONAL Sports Council director general Datuk Ahmad Shapawi Ismail will meet brothers Faizal and Fitri Saari and the Malaysian Hockey Confederation (MHC) next week to get to the bottom of the players truancy issues.

Both players have been absent from training since playing key roles in the national side that won the Singapore World League Round Two last month.

Faizal, 24, has been reported to have returned to Terengganu to settle problems caused by the recent flooding which damaged two of his cars, while Fitri, 22, is said to have requested time off to be with his sick wife.

Sports minister Khairy Jamaluddin, however, had on Tuesday stressed that he believes that

Faizal is unhappy with the MHC and ordered Shapawi to investigate.

Shapawi said: "Faizal has given an early indication that he will return to training after Chinese New Year next week.

"As the minister has ordered, I will take the opportunity to meet them at training and will be listening to what they have to say.

"I need to understand the situation in case there is any other reason that has caused them to miss or come late for training."

The national squad, coached by Tai Beng Hai, is currently preparing for the Azlan Shah Cup which will be held in Ipoh in April. Australia, India, New Zealand, South Korea and Canada will be competing. **By Fadhli Ishak**

BritishIndia saman Suria KLCC

Oleh NUR HANANI AZMAN
nhanani@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 17 FEB.

BITISHINDIA (Asia Sdn. Bhd. (BritishIndia)), memfailkan saman terhadap pengurusan pusat beli-belah Suria KLCC yang cuba mengeluarkan butik itu dari premisnya. Pengasas BritishIndia, Pat Liew berkata, samakan



terhadap Suria KLCC kerana menjadi tawarannya yang menyebabkan BritishIndia kehilangan manfaat dan peluang untuk beroperasi di Suria KLCC. "Kami sanggup tahu bahawa butik premium BritishIndia sekarang ini di-cabangkan untuk semua jenama jenama jenama yang sudah beroperasi di Suria KLCC,"

diungkapkan pada 14 Februari 2015. BritishIndia mempunyai akses tempatan yang mempunyai lebih dari 200 unit unit-unit beli-belah di Singapura, Thailand dan Filipina dan ini sudah dalam proses pengembangannya di seluruh dunia. Menurut Liew, BritishIndia dipergunakan untuk membeli-belah di Suria KLCC di Suria KLCC di Suria KLCC yang lebih apabila pusat membeli-belah belianan ini-mendatukinya. "Bukan Pemikiran Petronas dan

KERATAN Utusan Malaysia semalam.

Di mana semangat nasional pengurusan Suria KLCC?

UTUSAN MALAYSIA (w/S...7)

19/2/15

KUALA LUMPUR 18 Feb. - Pengurusan pusat beli-belah Suria KLCC yang dimiliki Petronas diingatkan supaya mempunyai semangat nasional yang tinggi dalam memberi peluang kepada jenama-jenama tempatan.

Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin berkata, tindakan pengurusan Suria KLCC memaksa sebuah jenama terkemuka tempatan berpindah dari premis sedia ada ke premis lain yang tidak strategik menunjukkan sikap pengurusan itu yang tidak bersungguh mempromosikan jenama Malaysia.

"Ini bukan kali pertama jenama dari Malaysia dipaksa pindah atau diusir keluar dari Suria KLCC. Sebelum ini kedai-kedai tempatan terpaksa ditutup atau pindah oleh pengurusan Suria KLCC walaupun mereka berjaya membayar sewa yang dikenakan.

"Kali ini, jenama yang diminta keluar adalah antara butik tempatan yang terkenal dengan outlets bukan hanya di Malaysia tetapi juga di luar negara. Saya difahamkan, jenama ini diminta pindah ke premis yang tidak strategik berbanding dengan lokasi sedia ada untuk memberi laluan kepada butik jenama asing," katanya dalam kenyataan di laman Facebook mi-

liknya hari ini.

Semalam, BritishIndia (Asia Sdn. Bhd. (BritishIndia) memfailkan saman terhadap pengurusan pusat beli-belah ikonik terkemuka, Suria KLCC yang cuba mengeluarkan butik itu dari premisnya.

Pengasas BritishIndia, Pat Liew berkata, syarikat yang menyewa di Suria KLCC sejak 1998 diberi empat hari untuk menerima tawaran tanpa syarat sama ada untuk berpindah ke lokasi lain atau diletakkan ke tempat lain.

Menurut Khairy, pengurusan pusat beli-belah itu sewajarnya berkongsi semangat nasional yang dimiliki oleh Petronas dan mengimbangi butik-butik di dalamnya antara jenama tempatan dengan jenama antarabangsa.

"Sebelum dilantik sebagai Menteri, saya pernah menjadi Pengerusi

Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB). Saya telah terima banyak aduan daripada usahawan tempatan yang tidak dilayan oleh pengurusan Suria KLCC.

"Usahawan ini tidak minta sewaan diberi secara percuma. Mereka sanggup bayar sewa Suria KLCC yang tinggi. Namun, kerana mereka tidak menjual jenama antarabangsa, mereka tidak dipandang oleh Suria KLCC," katanya.



KHAIRY JAMALUDDIN